BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 04/05/63 (BN) **Embargo: Tidak boleh disiakan atau diterbitkan sebelum jam 1930 pada hari Khamis, 28 April 2005**

Perkembangan Monetari dan Kewangan Mac 2005

Paparan Penting Siaran Akhbar

Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Pada bulan Mac, nisbah pinjaman tidak berbayar bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan bagi sistem perbankan bertambah baik kepada 5.4%, iaitu paras terendah sejak krisis Asia. Aktiviti pembiayaan kekal teguh pada bulan Mac disokong oleh permintaan pembiayaan yang kukuh oleh sektor swasta. Pada bulan tersebut, jumlah pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 14.5%. Apa yang penting, pemberian pinjaman bank kepada sektor perniagaan terus bertambah baik, dengan pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan tumbuh pada kadar yang positif bagi bulan keempat berturut-turut dan mencatat pertumbuhan tahunan 2.8% pada akhir bulan Mac. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) turut mengembang dengan kukuh, dengan pinjaman terkumpul kepada PKS mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 10.5% pada bulan Mac.

Pen: 04/05/63 (BN) **Embargo: Tidak boleh disiakan atau diterbitkan sebelum jam 1930 pada hari Khamis, 28 April 2005**

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
MAC 2005

Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Dalam pasaran wang, purata bagi kadar antara bank semalaman berwajaran harian ialah 2.70% pada bulan Mac 2005. Walaupun kadar deposit kekal tidak berubah dalam pasaran runcit, kadar pinjaman purata bank perdagangan dan syarikat kewangan lebih rendah, masing-masing pada 5.90% dan 8.63%.

Indeks Harga Pengguna meningkat 2.6% pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh harga bagi makanan di rumah yang lebih tinggi. Harga bagi subkumpulan yang lain hanya mencatat kenaikan yang kecil.

Pembiayaan kepada sektor swasta mengembang pada kadar yang lebih pantas pada bulan Mac, dengan jumlah pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 14.5%. Pada asas bersih, jumlah pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul tumbuh pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 9.6% pada bulan Mac. Aktiviti pemberian pinjaman bank yang memberangsangkan dicerminkan oleh pertumbuhan dalam penunjuk pinjaman. Apa yang penting, pinjaman terkumpul sektor perniagaan meningkat pada kadar yang positif bagi bulan keempat berturut-turut, dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.8% pada akhir bulan Mac. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) turut mengembang dengan kukuh, dengan pinjaman terkumpul kepada PKS mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 10.5% pada bulan Mac. Dalam pasaran modal, jumlah dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta juga lebih tinggi berjumlah RM5.1 bilion pada bulan Mac.

Wang secara luas atau M3 mengembang pada kadar tahunan 13.3% pada bulan Mac, disebabkan terutamanya oleh aliran masuk dana luaran serta peningkatan pemberian pinjaman oleh sektor perbankan kepada sektor swasta. Kadar pertumbuhan tahunan M1 pula lebih rendah pada 9.4% pada bulan Mac, mencerminkan permintaan terhadap baki tunai yang kembali normal selepas musim perayaan.

Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan bagi sistem perbankan bertambah baik kepada 5.4% pada bulan Mac, iaitu paras terendah sejak krisis Asia. Walau bagaimanapun, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) menurun kepada 13.5% berikutan pertambahan pelaburan dalam anak syarikat dan pembahagian semula keuntungan kepada pemegang saham oleh beberapa institusi perbankan.

Kadar faedah kekal stabil

Operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia sebahagian besarnya adalah untuk mengimbangi kesan pengembangan sektor luaran serta mengekalkan kadar antara bank semalaman yang stabil. Pada tempoh 1 Mac – 27 April, purata berwajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.68% hingga 2.72%, dengan berpurata 2.70%. Kadar deposit dan kadar pinjaman secara relatif kekal stabil pada bulan Mac. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan tetap tidak berubah manakala kadar pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan lebih rendah, masing-masing pada 5.90% dan 8.63%.



Kadar antara bank semalaman stabil



Kadar antara bank yang lain juga stabil



Operasi mudah tunai pada bulan Mac sebahagian besarnya adalah untuk mengimbangi kesan pengembangan sektor luaran



Nisbah pembiayaan-deposit berada pada 85.3%



Kadar pinjaman purata (ALR) terus menurun

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
Mac 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70
15 Apr 05	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Feb 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
Mac 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70
15 Apr 05	3.00	3.00	3.00	3.02	3.70

Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3 Bulan



Kadar benar deposit tetap 3 bulan menurun

Prestasi ringgit

Mencerminkan pergerakan dalam dolar Amerika Syarikat (AS), ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau pada bulan Mac. Dolar AS menambah nilai dalam keadaan jangkaan bahawa akan berlaku kenaikan, dan akhirnya terjadi kenaikan pada kadar faedah penanda aras AS, selain tanda-tanda bahawa pertumbuhan ekonomi di AS secara relatif adalah lebih pantas daripada di kebanyakan ekonomi utama yang lain.

Walau bagaimanapun, pada tempoh 1 – 27 April, ringgit menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (1.3%), yen (0.8%) dan euro (0.3%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (1.6%) dan baht Thailand (1.1%), namun menyusut nilai berbanding dengan won Korea (1.5%) dan peso Filipina (0.6%), dan kekal tidak berubah berbanding dolar Singapura.





Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %		
	Dis 04	Feb 05	Mac 05	27 Apr 05	Akhir Feb 05 - Mac 05	Akhir Mac 05 - 27 Apr 05	Akhir Dis 04 - 27 Apr 05
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0
Euro	5.1729	5.0437	4.9125	4.9284	2.7	-0.3	5.0
Paun sterling	7.3169	7.3065	7.1415	7.2365	2.3	-1.3	1.1
100 yen Jepun	3.7026	3.6282	3.5446	3.5750	2.4	-0.8	3.6
Dolar Singapura	2.3258	2.3360	2.3034	2.3034	1.4	0.0	1.0
100 baht Thailand	9.7636	9.9139	9.7013	9.5984	2.2	1.1	1.7
100 peso Filipina	6.7706	6.9463	6.9381	6.9795	0.1	-0.6	-3.0
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0410	0.0401	0.0394	2.4	1.6	3.6
100 won Korea	0.3671	0.3781	0.3734	0.3790	1.3	-1.5	-3.1

Inflasi meningkat pada bulan Mac

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, meningkat kepada 2.6% pada bulan Mac (Februari: 2.4%). Kenaikan dalam inflasi pada bulan tersebut disebabkan terutamanya oleh harga bagi makanan di rumah yang lebih tinggi, khususnya sayur-sayuran dan ikan segar berikutan keadaan cuaca buruk yang telah menjejaskan bekalan bahan tersebut. Harga bagi subkumpulan lain hanya mencatat kenaikan yang kecil.



Inflasi meningkat kepada 2.6%

Harga pengeluar meningkat sedikit

Pada asas tahunan, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 4.5% pada bulan Februari (Januari: 3.6%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga komoditi. Tidak termasuk harga komoditi, IHPR meningkat pada kadar tahunan 2.8% (Januari: 2.1%).



Inflasi IHPR meningkat sedikit

Wang secara luas terus berkembang

Pada bulan Mac, wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 9.4% (Februari: 13.9%) disebabkan oleh kadar pertumbuhan bagi wang dalam edaran dan deposit permintaan yang lebih rendah. Ini mencerminkan permintaan terhadap baki tunai yang kembali normal selepas musim perayaan.

Aliran masuk dana luaran yang berterusan dan tuntutan atas sektor swasta yang lebih tinggi, berikutan peningkatan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan, telah memberikan kesan pengembangan kepada wang secara luas, M3. Oleh itu, M3 meningkat lagi sebanyak 13.3% pada asas tahunan (Februari: 12.4%). Walau bagaimanapun, kesan ini dikurangkan sebahagiannya oleh impak penguncupan daripada peningkatan dalam deposit Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia.



Secara keseluruhan, wang secara luas terus mengembang

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Feb 05**	**Mac 05**	**Jan-Mac '05**
M3	68.0	5.9	13.9	26.4
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-15.9	-5.3	-2.6	-9.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	30.1	2.4	5.4	9.0
Pinjaman	*39.8*	*3.2*	*6.8*	*10.4*
Sekuriti	*-9.8*	*-0.8*	*-1.3*	*-1.4*
Operasi luar negeri bersih *	81.9	10.1	10.5	29.2
Pengaruh lain	-28.1	-1.3	0.5	-2.8

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa

Deposit sistem perbankan meningkat lagi

Jumlah deposit meningkat dengan ketara sebanyak RM17.9 bilion, atau pada kadar tahunan 13.6% pada bulan Mac. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh simpanan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan awam, perusahaan perniagaan tempatan dan institusi kewangan. Sejumlah besar daripada simpanan deposit ini adalah dalam bentuk instrumen deposit boleh niaga, deposit tetap dan perjanjian pembelian semula.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 05	**Feb 05**	**Mac 05**	**Jan - Mac 05**
Kerajaan Persekutuan	169	198	83	450
Kerajaan Negeri	-413	610	-134	63
Badan Berkanun [1]	-297	-255	190	-363
Institusi Kewangan	-4,201	398	6,441	2,638
Perusahaan Perniagaan	5,880	1,653	10,368	17,901
Individu	1,740	3,255	253	5,248
Lain-lain [2]	948	-479	712	1,181
Jumlah	3,827	5,380	17,913	27,119

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk entiti lain tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 05	**Feb 05**	**Mac 05**	**Jan - Mac 05**
Deposit tetap	2,056	4,667	4,641	11,364
NID	1,362	-1,262	8,958	9,058
Deposit permintaan	3,518	-1,125	-1,511	881
Deposit tabungan	84	641	-504	221
Perjanjian beli balik (Repo)	-2,278	2,588	4,110	4,420
Deposit mata wang asing	-309	-304	909	295
Deposit SPI	-769	-33	868	66
Lain-lain	163	208	442	813
Jumlah	3,827	5,380	17,913	27,119

Pembiayaan sektor swasta lebih tinggi pada bulan Mac

Pada bulan Mac, permintaan terhadap pembiayaan oleh sektor swasta terus kukuh. Jumlah pembiayaan kasar yang diberi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan nyata kepada RM51.2 bilion atau pada kadar tahunan 14.5% (Februari: 10.8%), dengan pengeluaran pinjaman, PDS dan terbitan ekuiti mencatat kadar pertumbuhan yang positif. Pada asas bersih, jumlah pembiayaan yang diberi kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) juga terus berkembang sebanyak RM6.8 bilion atau pada kadar tahunan 9.6% (Februari: RM3 bilion atau 8.9%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Jumlah pembiayaan kasar yang diberi kepada sektor swasta lebih tinggi

Petunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Jan	Feb	Jan	Feb
Jumlah				
Permohonan pinjaman	18.5	28.6	5.2	20.3
Kelulusan pinjaman	11.7	17.1	7.3	3.1
Pengeluaran pinjaman	36.5	47.7	11.2	12.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.9	5.9	8.3	9.1
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	9.5	15.8	1.1	31.0
Kelulusan pinjaman	4.9	8.4	-1.2	2.1
Pengeluaran pinjaman	24.6	33.5	11.7	15.4
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.6	2.7	1.4	2.8
PKS				
Permohonan pinjaman	3.6	5.6	9.7	29.8
Kelulusan pinjaman	2.3	3.4	28.5	31.5
Pengeluaran pinjaman	7.6	9.6	1.6	22.5
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	0.4	1.5	9.1	10.5
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	8.6	12.6	7.7	12.3
Kelulusan pinjaman	6.4	8.5	14.0	6.7
Pengeluaran pinjaman	10.2	12.2	14.7	5.6
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.2	2.4	15.2	15.2

[1/] Pertumbuhan tahunan bagi akhir tempoh

Aktiviti pemberian pinjaman bank lebih kukuh, meliputi kesemua sektor

Secara keseluruhan, aktiviti pemberian pinjaman bank terus mantap pada bulan Mac dengan penunjuk pinjaman masih mencatat kadar pertumbuhan yang kukuh. Ini mencerminkan pengembangan pemberian pinjaman bank yang berterusan kepada sektor perniagaan dan isi rumah. Permohonan pinjaman oleh sektor perniagaan dan pengeluaran pinjaman kepada sektor ini masing-masing mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang tinggi sebanyak 31% dan 15.4%. Ini mencerminkan permintaan terhadap pembiayaan bank yang lebih kukuh oleh perusahaan perniagaan yang besar dan PKS. Sementara itu, permohonan pinjaman oleh sektor isi rumah dan pengeluaran pinjaman kepada sektor ini masing-masing berkembang sebanyak 12.3% dan 5.6% pada asas tahunan.



Penunjuk pinjaman meningkat dengan mantap



Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi oleh sistem perbankan terus merangkumi kesemua sektor

Permintaan terhadap pembiayaan bank yang kukuh dan berterusan juga dicerminkan oleh pinjaman terkumpul yang terus berkembang pada kadar tahunan 9.1% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Februari: 8.3%). Apa yang penting, pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan meningkat pada kadar yang

positif bagi bulan keempat berturut-turut, iaitu pada kadar tahunan sebanyak 2.8% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Februari: 1.4%). Pinjaman terkumpul kepada PKS juga bertambah dengan ketara sebanyak 10.5% pada asas tahunan (akhir bulan Februari: 9.1%). Hasilnya, pinjaman PKS mencakupi bahagian jumlah pinjaman kepada perusahaan perniagaan yang lebih tinggi, iaitu 40.9% (akhir bulan Februari: 40.7%). Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah terus meningkat dengan kukuh sebanyak 15.2% pada asas tahunan (akhir bulan Februari: 15.2%).

Aktiviti pemerolehan dana daripada pasaran modal nyata lebih tinggi

Jumlah dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta daripada pasaran modal adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak RM5.1 bilion pada bulan Mac. Sejumlah RM4 bilion diperoleh melalui terbitan baru MGS2/05 10 tahun dan GII1/05 10 tahun. Penerbit-penerbit PDS utama ialah syarikat-syarikat dari sektor perkhidmatan perniagaan dan perkilangan, dan sebanyak RM2.8 bilion telah diperoleh, yang digunakan terutamanya untuk tujuan penstrukturan semula dan penggabungan dan pengambilalihan. Dalam pasaran ekuiti, sejumlah RM778 juta diperoleh terutamanya melalui enam tawaran awam awal (IPO).

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal



* Termasuk nota jangka pertengahan

KLCI ditutup lebih tinggi pada bulan April

Pada bulan Mac, KLCI ditutup lebih rendah pada 871.35 mata (-4.0% sejak akhir bulan Februari). Permodalan pasaran lebih rendah pada RM694.9 bilion (-4.2% sejak akhir bulan Februari) manakala urus niaga purata harian pada bulan tersebut menurun kepada 471.6 juta unit.



KLCI ditutup lebih tinggi pada bulan April

Bagi tempoh 1 - 27 April, KLCI ditutup lebih tinggi pada 872.45 mata pada 27 April (+0.1% sejak akhir bulan Mac). Permodalan pasaran lebih rendah pada RM689.41 bilion (-0.8% sejak akhir bulan Mac). Aktiviti pasaran juga berkurang, dengan urus niaga purata harian pada 346.85 juta unit.

Rizab antarabangsa bertambah kukuh

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat RM2.2 bilion (AS$0.6 bilion) kepada RM275.2 bilion (AS$72.4 bilion) pada 31 Mac 2005. Kenaikan rizab pada bulan Mac disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang lebih tinggi, aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio serta penggunaan pinjaman luar negeri oleh sektor swasta. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan serta penghantaran balik dividen yang lebih besar. Paras rizab juga mengambil kira pelarasan suku tahunan kerugian penilaian semula pertukaran asing berjumlah AS$1.2 bilion pada suku pertama. Rizab terus meningkat kepada RM276.7 bilion (AS$72.8 bilion) pada 15 April 2005. Paras rizab tersebut cukup

untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan merupakan 6.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan menurun kepada 13.5% berikutan pertambahan pelaburan dalam anak syarikat serta pembahagian semula keuntungan kepada pemegang saham oleh beberapa institusi perbankan. Sementara itu, pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi enam bulan menurun lagi kepada RM27.3 bilion. Oleh itu, nisbah NPL bersih nyata bertambah baik kepada 5.4% pada akhir bulan Mac 2005.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh								
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**Dis 04**	**Jan 05**	**Feb 05**	**Mar 05**
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.1	11.1	11.2	10.8
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.1	14.2	14.2	13.5
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	5.9	5.9	5.8	5.4
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,978	28,974	28,613	27,277
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.6	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.



RWCR adalah di paras 13.5%



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) terus menurun kepada 5.4%

Bank Negara Malaysia
28 April 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Jan 05		Feb 05		Mac 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		53.4	7.3	51.9	9.7	50.6	7.5
M1		119.6	15.5	117.8	13.9	115.7	9.4
M2		539.9	25.5	540.9	24.9	552.6	25.7
M3		624.2	12.5	630.2	12.4	644.0	13.3
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		627.8	13.3	633.2	12.6	651.1	13.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		513.8	8.0	516.7	8.3	522.6	9.1
Nisbah pinjaman-deposit (%)		78.1		77.7		76.6	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		87.2		86.8		85.3	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		21.3	24.0	18.5	5.2	28.6	20.3
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		13.9	42.4	11.7	7.3	17.1	3.1
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		42.4	7.3	36.5	11.2	47.7	12.1
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		43.3	11.8	33.6	2.2	41.1	0.3
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		14.2		14.2		13.5	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		5.9		5.8		5.4	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		264.7		272.9		275.2	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		69.6		71.8		72.4	
Bilangan bulan import tertangguh		8.3		8.5		8.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.70 [2.70]		2.69 [2.69]		2.72 [2.70]	
	Seminggu	2.73 [2.71]		2.69 [2.71]		2.75 [2.73]	
	1 bulan	2.78 [2.77]		2.78 [2.78]		2.77 [2.76]	
	3 bulan	2.79 [2.79]		2.79 [2.79]		2.82 [2.80]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.98		5.95		5.90	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		107.5	2.4	107.6	2.4	107.7	2.6
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		148.5	3.6	153.4	4.5	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.9480		5.0437		4.9125	
Paun Sterling		7.1617		7.3065		7.1415	
100 Yen Jepun		3.6669		3.6282		3.5446	
Dolar Singapura		2.3175		2.3360		2.3034	
100 Baht Thailand		9.8535		9.9139		9.7013	
100 Peso Filipina		6.8966		6.9463		6.9381	
100 Rupiah Indonesia		0.0415		0.0410		0.0401	
100 Won Korea		0.3698		0.3781		0.3734	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	1.2		2.0		4.0	
	swasta	2.3		-0.4		1.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		916.3		907.4		871.4	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		731.7		725.2		694.9	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.